

Pelajari kecekapan

UM 26 JUN 2001
Oleh ZULKIFLI JALIL

BANGI 25 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menambah pendapatan mereka dengan mempelajari kecekapan baru supaya tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedia membantu asalkan mereka sanggup berusaha keras.

Dr. Mahathir berkata, beliau sebenarnya sedih kerana berdasarkan kajiannya banyak kawasan perumahan baru dan mewah di seluruh negara tidak banyak diduduki oleh orang Melayu.

Katanya, walaupun kerajaan memberi potongan 50 peratus hartanah kepada orang Melayu pun, mereka masih gagal membelinya.

Begitu juga kedudukan orang Melayu di bandar-bandar lama, yang jika ada, kebanyakan mereka cuma golongan setingan.

“Saya berharap corak bandar-bandar baru tidak lagi mencerminkan satu-satu kaum sahaja.

“Kerajaan sanggup membantu orang yang hendak majukan diri dengan mempelajari sebarang kebolehan bekerja. Saya sanggup berikan kail untuk mereka mengail,” katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan 3,000 bekas tentera dan polis di Dewan

Serbaguna, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini hari ini.

Hadir sama ialah Presiden Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Senator Datuk Muhamad Ghani dan Presiden Bekas-Bekas Polis Malaysia (PBBPM), Datuk Mansor Md. Jaafar.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa penting bagi orang Melayu mempelajari dahulu selok-belok pengurusan perniagaan sebelum menceburinya bagi mengelak kerugian.

Beliau memberi contoh bagaimana cuma tiga orang sahaja dipilih daripada 300 bekas polis dan tentera yang diberi latihan dalam Projek Usahawan Bumiputera dalam bi-

dang peruncitan (Prosper) francais baru-baru ini.

“Saya tanya kenapa dan apa yang saya diberitahu sikap mereka (297 orang yang gagal tadi) terhadap perniagaan tak berubah. Ramai usahawan Melayu tidak tahu menguruskan perniagaan,” katanya.

Perniagaan besar

Tegas beliau lagi: “Saya (sebenarnya) berharap (Prosper) dapat ambil banyak lagi usahawan Melayu bukan semata-mata untuk menambah pendapatan mereka tetapi untuk menempatkan mereka di banyak bandar baru yang didirikan seperti Puchong dan Serdang”.

Menurutnya, beliau mahu orang

baru — PM

Melayu ‘memasuki’ bandar-bandar baru itu dengan jenis-jenis perniagaan besar dan kekal untuk tempoh yang lama.

“Tetapi jangan jadi peniaga lesen, jangan jadi perniagaan lesen AP atau lesen kayu balak.

“Dulu banyak peniaga lesen AP ini dapat import kereta terpakai dengan keuntungan kira-kira RM8,000 sebulan tetapi ke mana mereka sekarang?”

“Yang ada cuma Naza Motors yang bukan sahaja jual kereta terpakai tetapi kereta baru,” katanya.

Beliau turut meminta PBTM dan PBBTM tidak terlalu meminta kerajaan supaya menambah pencen ahlinya sebaliknya mahu mereka mem-

pelajari kecekapan baru seperti teknologi maklumat (IT).

“Saya rayu carilah kerja, janganlah fikir nak pencen lebih tu,” katanya sambil disambut tepukan gemuruh hadirin.

Dr. Mahathir turut berharap, anak-anak muda yang bekerja sebagai pengutip tol yang disifatkannya bidang yang tidak memerlukan banyak kecekapan, mencari pekerjaan lain.

“Saya mahu bangsa saya berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di dunia. Saya tak nak lihat bangsa saya dihina dan jika saya tidur nyenyak atau tutup mata sekalipun, inilah yang saya nak lihat iaitu bangsa yang bermaruah,” katanya.